

Undang-undang berkaitan Produk Halal di Malaysia: Perbandingan Kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal di Peringkat Negeri

Laws related to Halal Products in Malaysia: Comparison on The Offenses of Halal Signs Abuse at the State Level

Zanariah Dimon¹

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
18 MAC 2020	20 MAC 2020	30 APRIL 2020

ABSTRAK

Syariat Islam merupakan syariat yang lengkap dan mencakup seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah dalam perkara halal dan haram. Pensyariaan sesuatu hukum sama ada halal atau haram adalah untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Prinsip halalan tayyiban dalam Islam bukan sahaja tertumpu kepada makanan dan barang gunaan, bahkan meliputi sistem ekonomi, kewangan dan seluruh aspek kehidupan manusia. Malaysia sendiri telah melaksanakan pelbagai polisi dan standard bagi membangunkan industri halal dan menjadikan Malaysia sebagai peneraju hub halal global. Oleh itu, bagi memastikan kelangsungan sistem halal diaplikasi dalam kehidupan manusia, penguatkuasaan undang-undang sangat penting dilaksanakan oleh pihak berwajib sama ada di peringkat negeri atau Persekutuan. Tujuan artikel ini adalah untuk menjelaskan peruntukan kesalahan berkaitan halal yang terdapat dalam akta dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan data diperolehi melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati hanya sebahagian negeri sahaja yang memperuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal dalam akta/enakmen jenayah syariah negeri masing-masing seperti sebahagian negeri-negeri memperuntukkan kesalahan berkaitan penyalahgunaan tanda halal seperti Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Sementara negeri-negeri lain seperti Perlis, Kedah dan Perak tiada peruntukan tersebut sehingga kini. Negeri-negeri yang memperuntukkan kesalahan berkaitan produk halal juga terdapat terdapat perbezaan dari segi jenis kesalahan dan kadar hukuman yang ditetapkan serta penguatkuasaan yang dilaksanakan di peringkat negeri. Kajian diharapkan dapat memberi gambaran mengenai peruntukan undang-undang berkaitan produk halal dan penguatkuasaannya di peringkat negeri-negeri di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa pentadbiran agama Islam di peringkat negeri sangat memberi perhatian yang serius terhadap prinsip halalan tayyiban dalam kehidupan umat Islam.

Kata Kunci: kesalahan, penyalahgunaan, tanda halal, halalan tayyiban

ABSTRACT

Islamic Shari'a is a complete Shari'a that covers all aspects of human life including halal and haram. The enactment of a law whether it is halal or haram is to safeguard human welfare and well-being. The principle of halalan tayyiban in Islam is not only focused on food and consumer goods, but it also covers the economic, financial and all aspects of

¹ Zanariah Dimon, M. Syariah (UM), Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS, zanariah@kuis.edu.my

human life. Malaysia has implemented various policies and standards to develop the halal industry and make Malaysia the leader of the global halal hub. Therefore, in order to ensure the sustainability of the halal system is applied in human life, the enforcement of the law is very important by the authorities at the state or federal level. The purpose of this article is to explain the provisions of halal-related offenses contained in the act and enactment of sharia criminal offenses in the states of Malaysia. This study was conducted qualitatively and data were obtained through document analysis. The results show that only some states provide lawful offenses for the use of halal marks in their respective state syariah criminal act/enactment, as some states provide for offenses related to the use of halal signs such as Penang, Selangor and Johor. While other states such as Perlis, Kedah and Perak do not have such provisions to date. The states that deal with the halal product-related offenses also have differences in the types of offenses, the rates of punishment, and enforcement at the state level. The study is expected to provide an overview of the legal provisions relating to halal products and their enforcement at the state level in Malaysia. This shows that the administration of the Islamic religion at the state level has given serious attention to the principle of halalan tayyiban in the lives of Muslims.

Keywords: *offenses, abuse, halal sign, halalan tayyiban*

Pengenalan

Islam merupakan agama atau sistem hidup yang syumul atau menyeluruh yang berkaitan dengan semua aspek dan bidang kehidupan umat manusia, dari sebesar-besar perkara hingga sekecil-kecil yang ada dalam kehidupan manusia seharian. Pengamalan terhadap agama Islam tidak hanya melibatkan ibadah khusus seperti solat, puasa dan zakat semata-mata tetapi melibatkan suatu cara hidup manusia secara keseluruhannya. Ia termasuklah keperluan kepada makanan, minuman dan barangan kegunaan yang *halalan tayyiban*. Sebagai umat Islam, mencari sesuatu yang halal itu adalah wajib sama ada melalui pengambilan sumber makanan atau penggunaan produk atau barangan seharian. Sumbernya juga mestilah halal dan bebas daripada bahan yang haram mengikut hukum syarak. Ia bertepatan dengan Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu”. [al-Baqarah (2): 168]

Sehubungan itu, bagi mengawal dan mengurus hal ehwal produk halal di Malaysia, undang-undang memperuntukkan bidang kuasa mengenai halal dalam Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Pihak-pihak yang bertanggung jawab dalam hal ehwal produk halal di peringkat Persekutuan adalah Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selain Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran sijil halal. Walau bagaimanapun, negeri-negeri juga mempunyai bidang kuasa dalam undang-undang berkaitan produk halal. Akan tetapi bidang kuasa negeri-negeri terhad kepada peruntukan kesalahan dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.

Justeru, artikel ini membincangkan mengenai undang-undang berkaitan produk halal dengan memfokuskan kepada kesalahan penyalahgunaan tanda halal di peringkat negeri-negeri

di Malaysia. Ia diharap dapat memberikan gambaran mengenai keseriusan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri di Malaysia menguatkuasakan produk halal di peringkat negeri dan memastikan prinsip *halalan tayyiban* dalam kehidupan umat Islam terjamin berlandaskan prinsip syariah. Limitasi artikel ini hanyalah berkisar kepada peruntukan kesalahan penyalahgunaan tandda halal, kesalahan-kesalahan lain mengenai produk halal, kadar hukuman dan pemakaian undang-undang tersebut di peringkat negeri.

Konsep Halal Menurut Islam

Konsep halal perlu difahami dengan jelas dan secara menyeluruh. Halal bukan tertumpu kepada makanan atau minuman sahaja tetapi perlu merangkumi semua barangan kegunaan manusia. Ia juga melibatkan prinsip halal dan *tayyib* (baik) *halalan tayyiban* dalam keseluruhan hidup manusia. Secara literal, perkataan halal berasal dari kalimah Arab iaitu *halla*, *yahillu*, *hillan* yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak. Menurut Kamus Dewan (ed. 4. 2007), halal bermaksud hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan dalam Islam, diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan. Istilah halal berlawanan dengan haram atau terkeluar dari apa yang diharamkan menurut Islam. Jika halal adalah perkara harus yang tidak terdapat dalil syarak yang mengharamkannya, haram pula adalah perkara yang dilarang dan tidak terdapat dalil syarak yang mengharuskannya (Basri Ibrahim. 2009).

Manakala dari sudut istilah syarak, halal didefinisikan sebagai sesuatu yang harus, yang diizinkan di sisi syarak. Dr. Yusof al-Qardhawi (1994) mendefinisikan halal sebagai sesuatu yang diharuskan, terungkai padanya ikatan larangan, dan dizinkan oleh syarak untuk melakukannya. Menurut Harlida (2014), halal merujuk kepada sesuatu yang harus hukumnya menurut syarak untuk manusia makan, guna, bermualamah dan sebagainya. Sesuatu perkara dianggap halal dalam Islam selama mana tiada nas atau dalil yang menunjukkan bahawa ia adalah haram bersesuaian dengan kaedah fiqh "*al-asl al-ibahah*".

Oleh itu, umat Islam diwajibkan mengambil makanan yang halal dan *tayyiba* bertujuan untuk menghindarkan manusia daripada mengambil makanan daripada sumber bahan-bahan yang boleh merosakkan diri mereka. Makanan yang baik dan halal dapat membentuk masyarakat yang baik. Masyarakat yang baik ialah masyarakat yang dapat memelihara keseimbangan dalam Islam iaitu mengimbangi antara keperluan rohani dan jasmani. Ciri-ciri makanan yang halal dan *tayyib* adalah antaranya wajib dipastikan halal atau haramnya, menjauhi makanan yang syubhah sama ada dari segi fizikal atau cara penyediaannya serta berkhasiat, suci dan bersih (Siti Zalikhah. 2004).

Terma halal pula telah ditafsirkan menurut Perihal Perintah Dagangan (Takrif Halal) 2011. Menurut Perintah ini istilah halal dimaksudkan sebagai sesuatu yang memenuhi hukum syarak iaitu suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam dengan syarat makanan atau barang-barang itu:

- (a) Bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;
- (b) Tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut Hukum Syarak;
- (c) Tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak;

- (d) Tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasil daripada yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak;
- (e) Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- (f) Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak; dan
- (g) Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan(a) dan (b).

Perintah tersebut juga mentafsirkan bahawa halal termasuk semua bentuk perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu dijalankan mengikut Hukum Syarak.

Oleh itu, berdasarkan tafsiran tersebut, jelas bahawa skop halal dalam Islam bukan sahaja tertumpu kepada penghasilan produk makanan dan barang gunaan, bahkan ia meliputi sistem ekonomi, kewangan dan seluruh kehidupan manusia. Skop halal dari sudut syariah merangkumi maksud *halalan tayyiban* kerana kehalalan produk makanan semata-mata adalah tidak memadai sebaliknya perlu meliputi aspek ‘baik’ (*tayyib*) iaitu bersih, suci, selamat dan berkualiti (Harlida & Alias. 2014). Proses ini melibatkan keseluruhan aspek pembuatan produk bermula daripada sumber yang halal diikuti dengan proses pemilihan produk, penyediaan bahan, pengilangan, pengeluaran, penyimpanan, pemindahan, pengedaran sehinggalah produk tersebut disajikan kepada pengguna.

Sesungguhnya, konsep *halalan tayyiban* adalah tanda kesyukuran Islam sebagai agama yang menjamin kemaslahatan umat manusia. Ini kerana matlamat pensyariaan hukum Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat meliputi nyawa, akal, harta, keturunan dan yang paling penting adalah agama. Salah satu jaminan hukum Islam adalah melalui prinsip *halalan tayyiban* yang merangkumi perkara halal yang diharuskan dan larangan daripada perkara yang diharamkan.

Agensi Pengurusan Halal dan Undang-undang di Malaysia

Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang yang utama di Malaysia telah membahagikan senarai perundangan kepada Persekutuan dan Negeri. Perkara berkaitan halal adalah terletak dalam bidang kuasa Persekutuan melalui Jadual Kesembilan Senarai Satu dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun kerajaan negeri juga mempunyai bidang kuasa mengenai halal dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri. Pembahagian kuasa tersebut diperincikan dalam jadual di bawah:

Jadual 1 Pembahagian Kuasa Berkaitan Halal di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Bil	Senarai Persekutuan	Perkara	Senarai Negeri	Perkara
Per 8(g)	Pewujudan standard kualiti barangan yang dikilangkan di dalam atau di eksport daripada Persekutuan	Standard Halal yang dihasilkan oleh JAKIM dan Jabatan Standard Malaysia	Menggubal undang-undang kesalahan jenayah syariah	Kesalahan berkaitan penyalahgunaan tanda halal

Per 8(i)	Industri, pengawasanya perusahaan dan perindustrian	Pembangunan industri halal		
----------	---	----------------------------	--	--

Sumber: Perlembagaan Persekutuan

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan kuasa yang ada pada Persekutuan untuk menubuhkan agensi-agensi yang bertanggung jawab dalam penentuan produk halal seperti KPDNHEP dan JAKIM. Selain itu juga mewujudkan standard piawaian halal yang terpakai di seluruh negara bagi memastikan kelangsungan pembangunan industri halal di Malaysia. Badan perundangan negeri juga mempunyai kuasa walaupun terhad dalam undang-undang berkaitan halal. Ia terdapat dalam salah satu peruntukan kesalahan dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Pemakaiannya terhad hanya terhadap orang Islam dan pendakwaan di Mahkamah Syariah sahaja.

Agensi utama yang berperanan secara langsung dalam pengurusan pensijilan dan penguatkuasaan status halal di Malaysia adalah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM. Agensi ini bertanggung jawab dalam menyediakan garis panduan produk halal secara komprehensif merangkumi prosedur pemeriksaan, pengesahan dan permohonan sijil halal, kelulusan, syarat-syarat, pemantauan dan penguatkuasaan (Zulkifli Hassan. 2007t) Pengurusan pentadbiran JAKIM dalam hal ehwal halal bermula sejak tahun 1974 melalui pengesahan status halal kepada produk makanan dan barangan guna Islam di Malaysia. Surat pengesahan ini dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Pada Julai 1982, satu Jawatankuasa Mengkaji Bahan Makanan dan Gunaan Orang Islam ditubuhkan atas arahan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu kepada ahli-ahlinya yang merupakan pakar dari bidang-bidang yang berkaitan seperti biang kimia, haiwan, perihal dagangan dan sebagainya (www.halaljakim.gov.my. 26 Julai 2019)

Seterusnya, pada 1 September 2002, Kerajaan Pusat telah memutuskan bahawa urusan pengesahan halal dilakukan oleh JAKIM sepenuhnya di Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam. Pada November 2003, logo halal batu digunakan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) setelah dibuat mesyuarat penyelarasan dengan JAIN untuk menggunakan satu standard logo halal yang seragam di Malaysia. Pada 17 November 2005 nama Bahagian tersebut telah ditukar kepada Bahagian hub Halal JAKIM. Walau bagaimanapun, pada 2 April 2008, Halal Industry Development Corporation (HDC) telah mengambil alih pengurusan sijil halal di Malaysia (www.halaljakim.gov.my. 26 Julai 2019)

Pada 3 Disember 2018, sejarah sekali lagi mencatatkan perubahan besar apabila Bahagian Hab Halal dikembangkan kepada dua bahagian utama iaitu Sekretariat Majlis Halal Malaysia (MHM) dan Bahagian Pengurusan Halal (BPH). Bahagian Pengurusan Halal akan menguruskan operasi pensijilan halal meliputi proses pemeriksaan dokumen permohonan pensijilan produk dan premis, pengauditan produk dan premis, pengeluaran sijil halal, pengesahan rumah sembelih luar negara, pemantauan dan penguatkuasaan halal dan pusat analisis halal.

Selain itu, KPDNHEP adalah kementerian di peringkat Persekutuan yang bertanggung jawab dalam hal ehwal produk halal di Malaysia. Fungsi KPDNHEP adalah untuk menggalakkan dan memudahkan perdagangan dalam negeri secara teratur dan sihat serta melindungi kepentingan pengguna termasuklah dalam memastikan produk guna pengguna adalah memenuhi piawaian *halalan tayyiban* (www.kpdnhep.gov.my. 26 Julai 2019). Oleh itu, dari segi pengurusan dan penguatkuasaan halal di Malaysia, JAKIM dan KPDNHEP perlu mematuhi dan merujuk undang-undang yang digubal berkaitan halal.

Antara akta-akta yang berkaitan produk halal di Malaysia adalah Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihak Dagangan (Takrif Halal) 2011, Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009, akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Perintah Binatang (Pengimportan) 1962, akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kastam 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) (Norazla et al. 2015). Selain daripada undang-undang ini juga terdapat beberapa panduan yang digunakan dan dirujuk seperti Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Malaysian Standard MS 1500:2009 Makanan Halal-Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum, Malaysian Standard MS 1514:2009 Good Manufacturing Practice (GMP), Malaysian Standard MS 1480:2007 Food Safety According To Hazard Analysis And Critical Control Point (HACCP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2005) (Zulkifli Hassan. 2007). Kewujudan undang-undang dan panduan dalam prosedur pensijilan halal menunjukkan terdapat keterikatan antara setiap undang-undang dalam memastikan bahawa pensijilan halal yang diberikan adalah benar-benar berkualiti dan mencapai piawaian *halalan tayyiban*.

Peruntukan Kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal dalam Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Undang-undang kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri Malaysia digubal untuk memperuntukkan jenis-jenis kesalahan dan kadar hukuman berkaitan orang Islam setakat yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984. Penguatkuasaannya melibatkan Penguatkuasa Agama di jabatan agama Islam negeri-negeri dan pendakwaan dilakukan oleh Pendakwa Syarie di Mahkamah Syariah. Secara amnya terdapat empat kategori kesalahan dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah di peringkat negeri iaitu kesalahan berkaitan akidah, kesalahan berhubung dengan kesucian agama dan institusinya, kesalahan berhubung tatasusila dan kesalahan pelbagai (Siti Zubaidah. 2017).

Kebanyakan negeri memperuntukkan kesalahan berkaitan halal dalam kesalahan pelbagai mengenai penyalahgunaan tanda halal iaitu mempamerkan tanda halal yang tidak sah atau mempamerkan tanda halal kepada makanan atau minuman yang sebenarnya tidak halal atau haram. Berikut adalah perincian peruntukan kesalahan berkaitan halal berdasarkan akta/enakmen kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri:

Jadual 2 Kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal dalam Undang-undang Jenayah Syariah Negeri

Bil	Negeri/Statut	Peruntukan Seksyen	Jenis Kesalahan
1	Perlis Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991	Tiada	Tiada
2	Kedah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Tiada	Tiada
3	Pulau Pinang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang)1996	Seksyen 42	Penyalahgunaan Tanda Halal

4	Perak Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Tiada	Tiada
5	Wilayah Persekutuan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997	Seksyen 42	Penyalahgunaan Tanda Halal
6	Selangor Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Seksyen 38	Penyalahgunaan Tanda Halal
7	Negeri Sembilan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004	Tiada	Tiada
8	Melaka Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Tiada	Tiada
9	Johor Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Seksyen 42	Penyalahgunaan Tanda Halal
10	Pahang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Seksyen 51	Penyalahgunaan Tanda Halal
11	Kelantan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985	Tiada	Tiada
12	Terengganu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Seksyen 49	Penyalahgunaan Tanda Halal
13	Sabah Enakmen Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995	Seksyen 59 (1)(2)(3) Seksyen 59 (5)(6)(7) Seksyen 60	Makanan yang diharamkan Penyembelihan yang tidak mengikut hukum syarak Penyalahgunaan tanda halal
14	Sarawak Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Seksyen 39:	Penyalahgunaan tanda halal

Sumber: www.esyariah.gov.my. 31 Julai 2019

Jenis Kesalahan Berkaitan Halal

Secara umumnya, berdasarkan Jadual 2, menunjukkan bahawa tidak kesemua negeri di Malaysia yang memperuntukkan kesalahan berkaitan penyalahgunaan tanda halal dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah di peringkat negeri. Berdasarkan undang-undang tersebut, hanya lapan negeri yang mempunyai peruntukan kesalahan tersebut iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Manakala negeri-negeri lain iaitu Perlis, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan masih belum memperuntukkan kesalahan berkaitan halal dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah di negeri masing-masing sehingga kini (www.esyariah.gov.my. 31 Julai 2019)

Kebanyakan negeri-negeri tersebut memperuntukkan satu kesalahan sahaja berkaitan halal iaitu perbuatan orang Islam yang menyeleweng atau menyalahguna tanda halal iaitu mempamerkan tanda halal pada makanan atau minuman yang tidak halal atau haram dalam premis perniagaan. Sebagai contoh dalam Seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang mempamerkan pada atau berkenaan dengan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

Begitu juga dengan negeri-negeri lain-lain yang memperuntukkan kesalahan berkaitan perbuatan mempamerkan logo halal sedangkan produk makanan atau minuman tersebut sebenarnya tidak halal. Umpamanya seksyen 39 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 juga memperuntukkan kesalahan terhadap mana-mana orang yang mempamerkan, tanpa kebenaran Majlis, pada atau berkenaan dengan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal adalah melakukan suatu kesalahan mengikut undang-undang tersebut.

Walau bagaimanapun, Negeri Sabah dilihat lebih terkehadapan dalam memperuntukkan kesalahan berkaitan halal. Peruntukan kesalahannya lebih terperinci dan pelbagai. Undang-undang di Sabah memperuntukkan tiga kesalahan berkaitan halal iaitu perbuatan yang berhubung dengan makanan yang diharamkan, penyembelihan binatang yang tidak mengikut hukum syarak dan penyalahgunaan tanda halal. Seksyen 59, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 memperuntukkan kesalahan berkaitan makanan yang diharamkan iaitu:

- (1) Sesiapa yang memakan apa-apa jenis makanan yang diharamkan oleh agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan;
- (2) Sesiapa yang menjual atau menyedia atau mengedarkan apa-apa jenis makanan atau daging haram atau tidak secara halal mengikut agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan;
- (3) Sesiapa yang memaparkan tanda halal pada makanan atau minuman yang haram atau tidak secara halal adalah melakukan suatu kesalahan;
- (4) Sesiapa yang melakukan apa-apa perkara yang menjadi kesalahan di bawah sub-seksyen (1) atau (2) atau (3) boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, enakmen yang sama di negeri Sabah juga memperuntukkan kesalahan berkaitan penyembelihan binatang yang tidak selaras dengan kehendak hukum syarak iaitu dalam Seksyen 59 sub seksyen (5) dan (6) berikut:

- (5) Sesiapa menyalahi hukum syarak, melakukan penyembelihan apa-apa jenis binatang yang dihalalkan oleh hukum syarak adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

- (6) Sesiapa yang menyembelih apa-apa binatang halal untuk tujuan jualan tanpa mendapat kebenaran atau perakuan bertulis dari Majlis adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
- (7) Sesiapa yang menyalahgunakan atau membiarkan disalahguna perakuan atau kebenaran penyembelihan binatang yang dihalal adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala, dalam peruntukan yang lain di negeri Sabah iaitu seksyen 60 memperuntukkan jenis kesalahan yang sama seperti di negeri-negeri lain iaitu kesalahan menyalahgunakan tanda halal atau meletakkan tanda halal pada makanan atau minuman yang diharamkan oleh hukum syarak. Jika sabit kesalahan, orang Islam di negeri tersebut boleh dikenakan hukuman berdasarkan undang-undang tersebut.

Oleh itu, jelas bahawa jenis kesalahan berkaitan halal adalah terhad hanya berkaitan penyalahgunaan tanda halal dalam bentuk mempamerkan tanda halal bagi produk makanan atau minuman yang haram atau tidak halal sahaja. Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri tidak mempunyai bidang kuasa undang-undang berkaitan produk gunaan orang Islam yang lain seperti ubat-ubatan dan barangan kosmetik. Peruntukan undang-undang berkaitan produk halal lebih meluas dalam akta-akta di peringkat Persekutuan.

Perbuatan menyalahguna atau mempamerkan tanda halal pada makanan atau minuman yang tidak halal adalah bertentangan dengan peraturan berkaitan pensijilan halal. Setiap premis yang menjual makanan atau minuman mestilah mempamerkan sijil halal yang dikeluarkan oleh badan-badan berautoriti seperti JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia (Ahmad Hidayat. 2012). Penggunaan logo halal hanya dibenarkan kepada pemohon yang telah mendapat pensijilan halal daripada badan-badan tersebut untuk dipamerkan di premis berkenaan. Oleh itu, pengeluaran sijil halal tertakluk kepada garis panduan dan standard piawaian yang ditetapkan oleh JAKIM dan MAIN bagi memastikan ia memenuhi prinsip *halalan tayyiban* (Ahmad Hidayat. 2012) Maka, adalah menjadi kesalahan mengikut akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri sekiranya mana-mana orang Islam yang menyalahguna tanda halal pada makanan atau minuman yang sebenarnya haram.

Kadar hukuman

Bidang kuasa negeri dalam menentukan kadar hukuman dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984. Kadar hukuman yang ditetapkan adalah denda sehingga lima ribu ringgit atau penjara sehingga tiga tahun atau sebatan sehingga enam kali atau mana-mana kombinasi dua daripada hukuman tersebut (Mahmood Zuhdi. 2001). Oleh itu, peruntukan kesalahan berkaitan halal juga tertakluk kepada undang-undang persekutuan tersebut.

Secara umumnya, kesemua negeri yang mempunyai peruntukan kesalahan berkaitan penyalahgunaan tanda halal memperuntukkan kadar hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun kecuali di Selangor hukuman penjaranya tidak melebihi satu tahun dan denda tidak melebihi dua ribu ringgit. Manakala di Sabah hukumannya lebih ringan iaitu denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan. Hanya negeri Pahang yang memperuntukkan hukuman sebatan bagi kesalahan tersebut

berdasarkan peruntukan dalam seksyen 51, Enakmen Kesalahan Syariah Pahang 2013. Jadual 3 menunjukkan perincian kadar hukuman bagi kesalahan berkaitan halal dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri:

Jadual 3 Kadar Hukuman Penyalahgunaan Tanda Halal dalam Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Bil	Peruntukan Kesalahan	Kadar Hukuman			
		Denda	Penjara	Sebatan	Kombinasi Mana-mana dua hukuman
1	Seksyen 42 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996	Tidak melebihi RM5,000.00	Tidak melebihi tiga tahun	Tiada	ada
2	Seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997	Tidak melebihi RM5,000.00	Tidak melebihi tiga tahun	Tiada	ada
3	Seksyen 38, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Tidak melebihi RM2,000.00	Tidak melebihi satu tahun	Tiada	ada
4	Seksyen 42, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997	Tidak melebihi RM5,000.00	Tidak melebihi tiga tahun	Tiada	ada
5	Seksyen 51, Enakmen Kesalahan Syariah Pahang 2013	Tidak melebihi RM5,000.00	Tidak melebihi tiga tahun	Tidak melebihi enam sebatan	ada
6	Seksyen 49, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001	Tidak melebihi RM5,000.00	Tidak melebihi tiga tahun	Tiada	ada
7	Seksyen 60, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995	Tidak melebihi RM1,000.00	Tidak melebihi enam bulan	Tiada	ada
8	Seksyen 39, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001	Tidak melebihi RM5,000.00	Tidak melebihi tiga tahun	Tiada	ada

Sumber: www.esyariah.gov.my. 31 Julai 2019

Peruntukan kesalahan yang lain di negeri Sabah iaitu kesalahan bagi sesiapa yang makan apa-apa jenis makanan yang diharamkan dalam agama Islam, menjual atau menyediakan atau mengedarkan apa-apa jenis makanan atau daging haram atau tidak secara halal dan memaparkan tanda halal pada makanan atau minuman yang haram akan didenda tidak melebihi RM500 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi kesalahan berkaitan penyembelihan apa-apa jenis binatang yang halal tanpa mengikut hukum syarak akan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Begitu juga bagi kesalahan menyembelih binatang dengan tujuan untuk jualan tanpa kebenaran bertulis dari Majlis Agama Islam Sabah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Pemakaian undang-undang

Peruntukan undang-undang yang digunakan dalam penyalahgunaan tanda halal pada produk makanan dan minuman adalah lebih jelas di bawah akta/ enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Begitu juga kesalahan yang berkaitan makanan yang diharamkan dan penyembelihan yang tidak mengikut hukum syarak. Walau bagaimanapun, penggunaannya adalah sangat terhad kerana pemakaian akta/ enakmen ini hanyalah terpakai kepada orang Islam sahaja dan kesalahan tersebut mestilah dilakukan di dalam negeri tersebut sahaja. Penalti yang dikenakan terhadap pesalah jenayah tersebut juga tidak memadai apabila hukuman bagi kesalahan syariah adalah terlalu rendah iaitu denda tidak melebihi RM5,000 berbanding tidak melebihi RM10 juta di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Selain itu, mahkamah syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap orang yang menganut agama Islam. Maka, sudah pasti peruntukan ini tidak terpakai kepada orang bukan Islam dan syarikat-syarikat milik mereka. (Norazla. 2015)

Kesimpulan

Islam adalah agama yang suci dan menjamin keseluruhan hidup manusia sentiasa dalam keadaan yang *tayyib* (baik). Oleh sebab umat manusia diseru untuk mencari sumber yang halal dan *tayyib* dalam kegunaan seharian. Semua pihak sama ada pengguna atau pengeluar perlu memastikan sumber barangan adalah memenuhi prinsip halalan *tayyiban*. Bagi memastikan perkara tersebut, undang-undang memperuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal sebagai kesalahan jenayah syariah dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Daripada 14 negeri, hanya lapan negeri yang memperuntukkan kesalahan berkaitan halal dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah di negeri masing-masing setakat ini. Walaupun tidak kesemua negeri memperuntukkan kesalahan tersebut, namun ia dilihat sebagai bukti keperihatinan Pihak Berkuasa Agama di peringkat negeri untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan halal dalam ruang lingkup yang sempit dan terhad. Sewajarnya negeri-negeri lain yang tiada peruntukan tersebut dapat memperuntukkannya dalam undang-undang jenayah syariah negeri masing-masing bagi memastikan keselarasan undang-undang tersebut. Di sinilah keperluan kepada usaha-usaha penyelarasan dan penyeragaman dalam undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Peruntukan di Negeri Sabah boleh dijadikan sebagai panduan untuk memperincikan undang-undang berkaitan. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada kes berkaitan halal yang didakwa di mahkamah syariah berdasarkan undang-undang negeri tersebut.

Rujukan

- Ahmad Hidayat Buang dan Zulzaidi Mahmood. 2012. Isu dan Cabaran Pensijilan Halal di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 20(3). 271-288
- Basri Ibrahim. 2009. *Isu-isu Fiqh Halal dan Haram Semasa*. Jil. 1. Batu Caves: al-Hidayah Publication.
- Harlida Abdul Wahab dan Alias Azhar. 2014. Halalan *Tayyiban* Dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. Jun 2014. 26(1). 103-120.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 2019. <http://www.esyariah.gov.my/>. 31 Julai
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2019. <http://www.halaljakim.gov.my/>. 26 Julai
- Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. 2019. <http://www.kpdnhep.gov.my/>. 26 Julai
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. 2001. *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norazla Abdul Wahab et al. 2015. Undang-Undang Halal Malaysia: Isu Dan Cabaran. World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015) Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9th – 10th December 2015. 111-135.
- Siti Zalikhah Mohd Nor dan Shofian Ahmad. 2004. Hak Pengguna di Malaysia Berkaitan Pemakanan. Zaini Nasohah et al (ed.) *Syariah dan Undang-undang Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM
- Yusof al-Qardhawi. 1994. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: Maktabah Islami
- Zulkifli Hassan. 2007. Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan. Konvensyen Kebangsaan Undang-undang: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan. 11-12 Ogos 2007. 1-12

Statut:

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001
- Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011